

Anwar minta henti spekulasi peralihan kuasa PM

Presiden PKR tegaskan sudah ada persetujuan Dr Mahathir serah jawatan

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, meminta semua pihak berhenti membuat spekulasi berhubung peralihan kuasa membabitkan beliau dan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Dalam banyak temu bual saya dengan media antarabangsa seperti *CNN*, *Bloomberg* dan sebagainya, persoalan ini sering ditanya. Perkara itu perlu dihentikan kerana memang sudah ada persetujuan bahawa Dr Mahathir akan menyerahkan jawatan perdana menteri.

“Saya tidak pandang ringan isu ini, beri masa kepada Dr Mahathir untuk meneruskan tugas sebagai Perdana Menteri,” katanya menjawab soalan peserta selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Kepemimpinan APEX di sini, semalam.

Anwar menegaskan adalah tidak adil kepada beliau, Dr Mahathir dan seluruh negara ini jika isu peralihan kuasa ini terus diperkatakan.

Beliau berkata, dalam temu-bual dengan media, Dr Mahathir ada menyatakan tempoh perkhid-



Anwar menyampaikan ucapan pada Persidangan Kepemimpinan APEX di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aizuddin Saad /BH)

matannya untuk setahun, dua dan tiga tahun.

“Ini sebenarnya jawapan mengelak (menjawab soalan itu),” katanya.

Anwar turut memaklumkan ada perjanjian bertulis menyatakan beliau akan dilantik sebagai perdana menteri selepas Dr Mahathir meletakkan jawatan.

Katanya, perjanjian bertulis membabitkan peralihan kuasa itu bukan lagi perkara rahsia, sebaliknya turut diketahui kala-

ngan pemimpin Pakatan Harapan (PH).

“Mesej disampaikan adalah jelas kepada masyarakat sewaktu pilihan raya umum lalu. Untuk tempoh interim, Dr Mahathir akan jadi perdana menteri dan Wan Azizah akan jadi timbalan perdana menteri. Apabila Anwar dibebaskan, beliau akan mengambil alih,” katanya.

Anwar menegaskan Dr Mahathir sendiri sudah memaklumkan yang akan terus berpegang

kepada janji.

“Ini yang dikatakan kepada saya, dan saya hargai tindakannya. Beliau beritahu saya bahawa beliau sudah membuat janji dan akan memegang janji berkenaan.

“Beliau tidak suka orang memaksa, bilakah tarikh sebenar beliau akan meletakkan jawatan, beliau tidak mahu dilihat seperti ‘lame duck’ atau pemimpin tidak berfungsi. Beliau mahu berkhidmat,” katanya.